



UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir  
Sidang Akademik 2016/2017

Mei/Jun 2017

**JMG 211 – Geografi Manusia**

Masa: 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **EMPAT** (4) soalan daripada ENAM (6) soalan yang diberikan. Jika calon menjawab lebih daripada empat soalan, hanya empat soalan pertama mengikut susunan dalam skrip jawapan akan diberi markah.

Sertakan ilustrasi atau rajah di dalam jawapan anda bagi soalan yang berkaitan.

Setiap soalan diperuntukkan 25 markah.

1. Dengan merujuk kepada isu pelarian antarabangsa semasa, huraikan kepentingan kajian migrasi terhadap pembangunan ekonomi bagi negara berpendapatan tinggi dan negara berpendapatan rendah.  
(25 markah)
  
2. “Kewujudan pelbagai pola petempatan dengan identiti tersendiri mencerminkan kebudayaan dan tahap eksploitasi manusia terhadap alam sekitar”. Sejauh manakah benar-benar pernyataan ini?  
(25 markah)
  
3. (a) Huraikan elemen-elemen asas untuk membina piramid penduduk.  
(10 markah)
  
- (b) Bagaimanakah piramid penduduk dapat digunakan untuk membantu pembuat dasar merancang masa depan sesebuah negara?  
(15 markah)
  
4. Dengan merujuk keadaan alam sekitar tempatan dan global yang semakin kritikal, bincangkan peranan anda sebagai ahli geografi untuk mengatasinya dalam konteks pembangunan lestari.  
(25 markah)
  
5. Berasaskan pemikiran-pemikiran dalam Geografi Manusia, huraikan kaedah interaksi dwi-hala manusia dan alam sekitar dengan merujuk kepada fenomena air pasang besar yang berlaku di Malaysia pada tahun 2016.  
(25 markah)
  
6. Bagaimanakah elemen-elemen kebudayaan dalam Geografi Manusia dipengaruhi faktor teknologi sehingga mengubah sistem nilai masyarakat di sesebuah negara?  
(25 markah)